

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU  
[BATU GAJAH - DAP]**

**SOALAN NO. 519**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan aktiviti-aktiviti Sukan yang telah dianjurkan di kawasan Parlimen Batu Gajah, Ipoh Timur, Ipoh Barat, Gopeng dan Kampar sejak tahun 2013. Nyatakan juga jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kementerian di kawasan-kawasan berkenaan setakat ini.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah merancang dan sentiasa memastikan pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan mampu menarik minat masyarakat untuk menyertai aktiviti sukan seterusnya menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Program-program yang dilaksanakan oleh KBS adalah menyeluruh merangkumi kawasan bandar dan luar bandar.
2. Sejak tahun 2013 sehingga 2016, Parlimen Batu Gajah telah melaksanakan program sukan dengan peruntukan sebanyak RM118,500.00. Bagi Parlimen Ipoh Timur, pelbagai program telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM150,500.00. Pelbagai program juga telah dilaksanakan di Parlimen Ipoh Barat dengan jumlah peruntukan sebanyak RM145,010.00. Manakala Parlimen Gopeng telah melaksanakan program dengan peruntukan RM41,250.00 dan akhir sekali Parlimen Kampar, pelbagai program dengan peruntukan sebanyak RM225,460.00.
3. Program-program yang dilaksanakan merangkumi program Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS), Hari Sukan Negara Peringkat Daerah, Parlimen, JKKK/JPP, Tenpin Boling OKU, FitMalaysia dan Fit@Comunity, Kursus Pengenalan Perkhemahan, Kejohanan Futsal 1 Malaysia, Program Sukan Teras, Komuniti Malaysia Cergas, Larian Patriotik Malaysia, Kelas Latihan Asas, Kelas

## **SULIT**

Latihan Asas Senamrobik, Bengkel Women Fitness, Program Perkhemahan, INSPIRE iTalent dan Program Latihan Sukan OKU.

Sekian, terima kasih.